

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 2 SEPTEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 18**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1542-L14000  
**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah intervensi fiskal yang dilakukan secara khusus bagi membantu golongan M40 menguruskan komitmen kewangan, khususnya pinjaman perumahan, pendidikan anak-anak dan penjagaan kesihatan memandangkan mereka juga merupakan penyumbang utama kepada kutipan cukai negara.
  
2. PN-1542-L14071  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan penubuhan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia (AKSM) serta usaha untuk menambah jumlah hakim yang berlatarbelakang pendidikan Undang-undang Syariah di Mahkamah Sivil.
  
3. PN-1542-L14245  
**Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
  - (a) apakah kedudukan perjawatan penyelia dan petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) sebagai sukarelawan atau pekerja yang mendapat pendapatan bulanan seperti gaji atau elaun; dan
  
  - (b) adakah mereka layak menerima gaji minima.

4. PN-1542-L14131

**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana keberkesanan penganjuran program Jom Masuk U (JMU) 2025 dalam mempromosikan program pendidikan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT), khususnya dalam membantu pelajar lepasan SPM dan STPM yang tercicir dan mendapat tempat serta maklumat mengenai laluan pendidikan tinggi.

5. PN-1542-L14565

**Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula kelayakan kesihatan dan memperketat prosedur pemeriksaan kesihatan secara berkala termasuk melaksanakan ujian gangguan tidur (*sleep apnea*) dan tekanan kerja bagi pemohon dan pemegang lesen *Public Service Vehicle* (PSV).

6. PN-1542-L14030

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) apakah pendekatan baharu yang dibawa oleh Dasar Wanita Negara 2025-2030 berbanding dasar terdahulu, khususnya dalam menangani cabaran semasa seperti keganasan terhadap wanita, diskriminasi jantina di tempat kerja, jurang upah antara jantina, dan penglibatan wanita dalam ekonomi digital serta sektor bukan formal; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan dasar ini disokong oleh kerangka perundangan yang kukuh, serta apakah mekanisme pemantauan yang akan digunakan bagi menjamin keberkesanan pelaksanaannya merentasi Kementerian dan sektor.

7. PN-1542-L14533

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status terkini program Kolej Tingkatan Enam Premier di bawah kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia dan berapa orang telah mendaftar untuk pengambilan pertama; dan
- (b) bagaimanakah sambutan daripada pelajar dan ibu bapa setakat ini misalnya kadar pendaftaran berbanding sasaran dan adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan program ini ke universiti-universiti lain sekiranya terbukti berkesan.

8. PN-1542-L14605  
**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha dan cabaran yang dihadapi Kerajaan bagi menggesa penghantaran Pasukan Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke dalam wilayah Palestin yang dijajah khususnya Gaza agar genosid yang berlaku dapat dihentikan.
9. PN-1542-L14678  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan negara ini sebagai hab pendidikan antarabangsa baik daripada segi pengambilan pelajar negara asing mahupun sinergi antara tenaga akademi negara dengan tenaga akademi sedunia.
10. PN-1542-L14458  
**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan jangka panjang Kerajaan dalam memperkenalkan garis panduan berhubung kesihatan mental bagi wanita bekerja, termasuk perlindungan undang-undang daripada diskriminasi majikan terhadap ibu yang mengalami masalah mental selepas bersalin.
11. PN-1542-L14585  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah untuk menghadapi isu bilangan warga emas yang semakin bertambah di Malaysia.
12. PN-1542-L14307  
**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah ambulans binaan khas (*purpose-built*) seperti Toyota HiMedic, Demers Ambulance atau Medix yang Kementerian perolehi dalam 5 tahun dan adakah pengubahsuaian van biasa kepada ambulans boleh menimbulkan isu keselamatan kepada petugas kesihatan dan pesakit berbanding kenderaan binaan khas.
13. PN-1542-L14170  
**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan menangani kadar pengangguran belia yang tinggi sehingga 10.8% dan graduan universiti bekerja tidak sepadan dengan kelulusan yang mereka peroleh (*skill mismatch*).

14. PN-1542-L14111

**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :-

- (a) apakah program-program di bawah Kementerian yang memberikan manfaat kepada penduduk di kawasan luar bandar; dan
- (b) langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian supaya penduduk luar bandar di Sarawak menjadi seorang yang tidak buta kepada digital.

15. PN-1542-L13968

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendekatan yang proaktif terhadap sindiket pasport palsu atau turut dikenali sebagai 'pasport terbang' yang giat dijalankan oleh pegawai-pegawai yang didakwa menerima rasuah untuk melepasi sempadan.

16. PN-1542-L14279

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan *Free, Prior and Informed Consent* (FPIC) atau pendengaran awam akan dilakukan sebelum sesuatu projek dijalankan di atas tanah Orang Asli mengikut UNDRIP dan piawaian antarabangsa; dan
- (b) sekiranya pernah diadakan, nyatakan bila dan di mana.

17. PN-1542-L14205

**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan pekerja melalui peningkatan kemahiran (upskilling) & latihan semula (reskilling) secara besar-besaran khususnya untuk pekerjaan-pekerjaan yang bakal kehilangan disebabkan kemajuan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) serta berapakah peruntukan kewangan yang disediakan untuk melaksanakannya.

18. PN-1542-L14225

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini latihan kurikulum prasekolah tahun 2026 bagi guru-guru prasekolah di seluruh Melaka dan sejauh mana banciaan yang direkodkan sehingga Julai tahun 2025.

19. PN-1542-L14688  
**Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan dapat meminta agar syarikat penerbangan menggunakan pesawat jenis *wide body* bagi penerbangan antara Sabah, Sarawak dan Labuan dengan Semenanjung Malaysia untuk memastikan jumlah penerbangan mencukupi.
20. PN-1542-L14020  
**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menggalakkan penerapan teknologi pertanian moden dalam kalangan petani muda di negeri Kelantan, khususnya di kawasan Bachok dan Pasir Puteh yang mempunyai potensi besar dalam sektor pertanian.
21. PN-1542-L14399  
**Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan kepentingan Malaysia terpelihara dalam rundingan tarif dengan Amerika Syarikat, khususnya dalam memelihara dasar-dasar tertentu seperti pemerkasaan penglibatan bumiputera dan sektor halal dan apakah batas atau *red line* Kerajaan dalam rundingan dengan Amerika Syarikat.
22. PN-1542-L14366  
**Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah sektor pentadbiran Islam telah menyumbang kepada dasar pendigitalan negara.
23. PN-1542-L14497  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah garis masa pelaksanaan Rangka Tindakan Komprehensif *Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ)* dan jumlah pelaburan yang disasarkan serta pelaburan sebenar yang telah direkodkan di JS-SEZ dari tahun 2024 sehingga kini.
24. PN-1542-L14055  
**Senator Tuan Abun Sui Anyit** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-  
(a) bagaimanakah penduduk luar bandar di rumah panjang Sarawak terutamanya penduduk yang tidak mempunyai geran tanah untuk terlibat sama dalam ekopelancongan yang diperkenalkan oleh Kementerian; dan

- (b) apakah perancangan Kementerian dalam membantu pihak terbabit untuk mendapatkan geran agar penyertaan rakyat dalam ekopelancongan tidak terhalang.

25. PN-1542-L14643

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendekatan dinamik yang diambil Kerajaan terhadap dasar ekonomi dalam memastikan sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 4.5% hingga 5% tahun ini dicapai termasuk menangani kesan tarif yang dikenakan Amerika Syarikat .

26. PN-1542-L13903

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah wujud garis panduan atau peraturan khusus yang mengawal selia bayaran yang dikenakan terhadap bagasi dan lebihan bagasi oleh syarikat penerbangan agar ia lebih wajar.

27. PN-1542-L14010

**Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah konkrit yang diambil Kerajaan bagi menangani isu kekurangan doktor di hospital-hospital kerajaan seluruh negara, khususnya di hospital luar bandar dan negeri di kawasan Pantai Timur serta bilakah masalah kekurangan tenaga kerja ini dijangka dapat diselesaikan.

28. PN-1542-L14481

**Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan menubuhkan Pusat Penyelidikan Benih Nasional berskala besar bagi menjamin kedaulatan makanan, mengurangkan import dan memastikan petani kecil terutama di pedalaman mendapat akses kepada benih berkualiti.

29. PN-1542-L14657

**Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan mampu milik yang telah siap pada tahun 2024 dan berapakah yang dimiliki oleh kaum India kerana masih terdapat kaum India yang gagal memiliki kediaman sendiri.

30. PN-1542-L14089  
**Senator Tuan Musoddak bin Ahmad** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kajian-kajian terkini yang menjurus kepada kesihatan mental para belia dalam negara serta faktor yang menjejaskan tahap kesihatan mental golongan ini.
31. PN-1542-L14507  
**Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan secara terperinci kaedah pengiraan di bawah mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Automatik (AFA) memandangkan wujud kebimbangan mengenai isu ketidaktelusan pada masa ini.
32. PN-1542-L13933  
**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah spesifik yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kemahiran tenaga pekerja dalam teknologi Kecerdasan Buatan (AI) memandangkan banyak firma teknologi menghadapi kekurangan pekerja AI yang berkemahiran; dan
  - (b) langkah dalam mengekalkan bakat tempatan dalam teknologi AI dengan adanya pengaliran keluar bakat ke negara-negara lain.
33. PN-1542-L14641  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan menyediakan program kesedaran kesihatan dan pencegahan penyakit berjangkit untuk komuniti Orang Asli.
34. PN-1542-L14382  
**Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini mengenai penambahan P-Turn kira-kira 500 meter di kedua-dua arah menuju ke Pekan Jakar, Sarikei, Sarawak.
35. PN-1542-L13951  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status tindakan susulan oleh Kerajaan berikutan Dewan Undangan Negeri Sarawak yang telah meluluskan penambahan kerusi DUN Sarawak kepada 99 kerusi baru-baru ini.

36. PN-1542-L14517

**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar yang ditetapkan oleh Kementerian mengenai syarat memperbaharui lesen kedai runcit, khususnya berhubung larangan pengambilan pekerja warga asing.

37. PN-1542-L14543

**Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah segera yang akan diambil bagi memperketat penguatkuasaan had masa pemanduan lori untuk memastikan pemandu mendapat gaji setimpal tanpa insentif yang mendorong keletihan ekstrem, serta mengurangkan risiko kemalangan maut yang berpunca daripada faktor manusia dan beban kerja melampau.

38. PN-1542-L13923

**Senator Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh Malaysia untuk memperbaiki tarikan pelaburan terutamanya di dalam sektor nilai tinggi seperti semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui dan perkhidmatan digital dengan saingan yang berjaya menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing (FDI) di dalam pembuatan dan teknologi.

39. PN-1542-L14324

**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah tuntas Kementerian untuk mempercepatkan pelaksanaan projek, memastikan ketelusan peruntukan dan melaksanakan pelan jangka panjang bagi menyelesaikan isu sekolah daif yang dikenal pasti sebanyak 830 sekolah secara sistematik dan berfasa kerana ia masih banyak yang belum dibaik pulih.

40. PN-1542-L14289

**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pelan Kerajaan bagi mengawal inflasi makanan, melindungi isi rumah berpendapatan rendah, serta memastikan pemantauan harga dan bantuan bersasar lebih cekap berdasarkan laporan inflasi Jun tahun 2025 yang meningkat kepada 1.1 peratus dan kenaikan harga makanan luar sebanyak 4.7 peratus.

41. PN-1542-L14255  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian rasmi Malaysia berhubung pencalonan Nick Adams sebagai Duta Amerika Syarikat ke negara ini sehingga mencetus bantahan awam di Kuala Lumpur.
42. PN-1542-L14447  
**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam pembangunan rangkaian pengangkutan awam baharu dalam RMK13, termasuk sambungan antara bandar dan luar bandar.
43. PN-1542-L13938  
**Senator Puan Noorita binti Sual** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk melaksanakan penggunaan *rolling barrier guardrail system* seperti yang digunakan di Korea Selatan bagi kawasan jalan raya berisiko kemalangan tinggi seperti laluan berbukit dan selekoh tajam, menggantikan sistem W-beam sedia ada memandangkan keberkesannya dalam mengurangkan impak kemalangan.
44. PN-1542-L14121  
**Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian dalam memperkasa aspek penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap kes penipuan pakej haji dan umrah yang semakin berleluasa, serta sejauh mana kerjasama rentas agensi seperti KPDM, PDRM, Tabung Haji dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dapat dimantapkan.
45. PN-1542-L14190  
**Senator Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk memastikan akses perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mencukupi kepada rakyat Sabah terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
46. PN-1542-L14045  
**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan komited menolak nepotisme dan kronisme dalam perjawatan tertinggi syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) selaras dengan prinsip tatakelola MADANI.

47. PN-1542-L14100

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menilai kembali prosedur pembelian kereta di Malaysia yang mengambil masa yang agak lama dan menambahbaik prosedur sedia seperti mana model di Amerika Syarikat dan Kanada supaya dapat memudahkan pembelian kereta dengan lebih pantas.

48. PN-1542-L14595

**Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) bilangan terkini kuarters Kerajaan di Putrajaya yang diklasifikasikan sebagai kosong dan boleh diduduki serta kosong tetapi tidak boleh diduduki; dan
- (b) justifikasi cadangan pembinaan Kota MADANI memandangkan kos pembinaan dianggarkan RM4 bilion.

49. PN-1542-L14070

**Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menjaga dan memulihara kelestarian biodiversiti di Sarawak termasuk kawasan hutan simpan dan sungai sertaimbangan terhadap pembangunan ekonomi dengan pemuliharaan alam sekitar supaya selari dengan arus pemodenan.

50. PN-1542-L14180

**Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan menangani isu pelarian dan perlindungan warga Syria di negara ini dan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menghantar mereka pulang ke negara asal setelah peperangan di Syria tamat.

51. PN-1542-L14057

**Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam menaik taraf Yan Port setanding dengan pelabuhan-pelabuhan ternama seperti Pelabuhan Klang bagi menangani limpahan ekonomi *Land Bridge Thailand*.

52. PN-1542-L14426

**Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah segera yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani masalah kapasiti tapak pelupusan sampah di Sabah yang terhad dan bagaimana Kerajaan menguruskan masalah pembuangan sampah haram terutama di kawasan bandar dan perkampungan atas air.

53. PN-1542-L14235

**Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan komitmen Kementerian serta persediaan tenaga pengajar dan infrastruktur bagi mereformasi pendidikan sekolah wajib bermula pada umur 5 Tahun dalam RMK13 dan pelaksanaan kurikulum baru pendidikan pada tahun 2026.

54. PN-1542-L14615

**Senator Tuan Michael Mujah Lihan** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah pelan strategik Kementerian bagi mempercepat penyediaan akses kepada internet berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak.

55. PN-1542-L13913

**Senator Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan bekalan ubat-ubatan di fasiliti kesihatan awam adalah cekap dengan harga yang paling kompetitif demi memenuhi kepentingan pesakit.

56. PN-1542-L14383

**Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan bersepadu Kerajaan dalam melaksanakan pendidikan tahfiz yang berorientasikan kemahiran melalui program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), agar pendekatan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara.

57. PN-1542-L14317

**Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status dan penemuan audit yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terhadap 300 lori, 100 bas persiaran dan 100 bas ekspres berisiko tinggi. Berapakah jumlah sebenar lori, bas persiaran, bus ekspres atau lain-lain kenderaan PSV yang telah dikenalpasti sebagai berisiko tinggi.

58. PN-1542-L14268

**Senator Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menangani isu-isu kesihatan yang spesifik dan lazim dalam kalangan Orang Asli, seperti kekurangan zat makanan, penyakit berjangkit dan kesihatan mental.

59. PN-1542-L14433

**Senator Tuan Amir bin Md Ghazali** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan inisiatif khusus RMK13 untuk memperkukuhkan jaringan jalan luar bandar di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

60. PN-1542-L14461

**Senator Datuk Nelson W Angang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian mengatasi isu doktor dari Semenanjung yang menolak untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan sumber tenaga kerja kesihatan lebih seimbang di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

61. PN-1542-L14141

**Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kemajuan dan pencapaian pelajar-pelajar tahfiz dalam Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM dan apakah bentuk bantuan yang diberi kepada pelajar-pelajar ini selepas tamat pengajian.

62. PN-1542-L14353

**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan nisbah peratus pengeluaran makanan ternakan tempatan berbanding keperluan nasional dan jangkaan tempoh masa negara yang mampu mencapai paras sara diri bagi input makanan ternakan.

63. PN-1542-L13978

**Senator Tuan Azahar bin Hassan** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah kemampuan ketenteraan negara kita jika Malaysia diserang oleh pihak luar; dan
- (b) senarai aset-aset pertahanan yang baharu dan bersesuaian dengan masa kini.

64. PN-1542-L14575  
**Senator Puan Tiew Way Keng** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan terkini untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan banjir kilat yang kronik seperti kawasan Shah Alam dan Klang serta apakah jadual pelaksanaannya.
65. PN-1542-L14467  
**Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bentuk bimbingan yang diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kepada pekebun kecil persendirian dan pengusaha perniagaan runcit bagi meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap kewajipan membayar cukai pendapatan serta adakah Kerajaan bercadang untuk menawarkan *tax amnesty* kepada golongan ini bagi menggalakkan mereka mengisytiharkan pendapatan secara sukarela tanpa dikenakan penalti.
66. PN-1542-L14555  
**Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah tahap sara diri (SSL) ayam dan telur di negara ini dan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan tahap SSL tersebut sentiasa mencukupi.
67. PN-1542-L14299  
**Senator Datuk Edward Linggu Bukut** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi menyeluruh Kerajaan menangani penyalahgunaan dadah dalam kalangan penjawat awam, susulan peningkatan kes melibatkan penyalahgunaan syabu dan ketum terutamanya di Sabah, serta adakah saringan berkala akan diperluas ke semua jabatan dan lokasi berisiko tinggi seluruh negara.
68. PN-1542-L14526  
**Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu Tabika KEMAS yang beroperasi secara menumpang di balai raya dan balai komuniti.
69. PN-1542-L13959  
**Senator Tuan Pele Peter Tinggom** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan polisi dan pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negara yang sedang dirancang dan apakah impak pelaksanaan polisi ini dari segi pembinaan pusat latihan TVET yang baharu di Sarawak, pengambilan pelajar baharu, serta insentif yang bakal diberikan kepada pelajar bagi menyokong penyertaan mereka dalam bidang ini.

70. PN-1542-L14668  
**Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan karya yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara disebarakan seluas mungkin kepada Kementerian, khasnya pelajar dan murid.
71. PN-1542-L14153  
**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penghijrahan golongan profesional perubatan tempatan termasuk jururawat ke luar negara antara tahun 2020 hingga kini.
72. PN-1542-L14624  
**Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah program khas yang disediakan untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar Orang Asli di sekolah pedalaman.
73. PN-1542-L14215  
**Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan perancangan Kementerian yang komprehensif terhadap kesan daripada pelaksanaan tarif barangan eksport yang dikenakan oleh Amerika Syarikat ke atas Malaysia.
74. PN-1542-L14163  
**Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kewajaran polisi Kementerian untuk membenarkan farmasi-farmasi Malaysia dibenarkan beroperasi berdekatan antara satu sama lain di mana ia mengganggu farmasi setempat yang telah lama bertapak di sesuatu kawasan.
75. PN-1542-L13990  
**Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pelajar daripada golongan B40 yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam memperoleh bantuan kewangan seperti baucar buku, subsidi yuran, pinjaman pendidikan dan bantuan perjalanan, setanding dengan kemudahan yang dinikmati oleh pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

76. PN-1542-L14332

**Senator Tuan Che Alias bin Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana perancangan Kerajaan untuk mewujudkan Akta Psikologi bagi melindungi kesejahteraan mental rakyat daripada penyalahgunaan perkhidmatan tidak bertauliah serta menangani isu buli yang semakin membimbangkan.

77. PN-1542-L14488

**Senator Datuk Rosni binti Sohar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah segera dan strategik yang diambil oleh Kementerian dalam menangani kadar kegagalan yang tinggi bagi subjek khususnya Matematik serta calon gagal semua mata pelajaran dalam Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2024.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

“**BAHAWA** Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran Malaysia untuk mengukuhkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan daya tahan negara dalam usaha memperkukuh nilai insaniah, mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia, memantapkan kedudukan kewangan Kerajaan dan menjamin kehidupan rakyat yang bermaruah, serta pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 dan usaha merealisasikan aspirasi Ekonomi MADANI;

**merestui** ikhtiar Kerajaan untuk membuat pembaharuan ke atas agenda pembangunan sosioekonomi negara yang menyeluruh selaras dengan kerangka Malaysia MADANI; dan

**meluluskan** Rancangan Malaysia Ketiga Belas bagi tempoh 2026-2030 bertujuan untuk melakar semula pembangunan dengan menetapkan dasar, strategi dan inisiatif bagi membentuk negara bangsa, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar, memperkukuh tatakelola terbaik serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang memacu ekonomi serantau dan disegani di persada dunia, menurut Kertas Perintah CMD. 6 Tahun 2025.

**Bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia bersama-sama membulatkan tekad dengan penuh iltizam untuk membuat perubahan dalam memastikan pembangunan sosioekonomi negara kekal mampan serta memanfaatkan rakyat secara adil dan saksama.”

– menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 28 Ogos 2025 ]

2. ( D.R.21/2025 ) Rang Undang-undang Insolvensi Rentas Sempadan 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Perdana Menteri ]**
3. ( D.R.14/2025 ) Rang Undang-undang Kredit Pengguna 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Kewangan ]**
4. ( D.R.13/2025 ) Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
5. ( D.R.11/2025 ) Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
6. ( D.R.12/2025 ) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**
7. ( D.R.6/2025 ) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**  
**[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**

8. ( D.R.7/2025 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]**
9. ( D.R. 19/2025 ) Rang Undang-undang Fi (Feri Pengkalan Kubor) (Pengesahan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kerja Raya ]**
10. ( D.R. 17/2025 ) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Kesihatan ]**
11. ( D.R. 16/2025 ) Rang Undang-undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Dalam Negeri ]**
12. ( D.R. 18/2025 ) Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**
13. ( D.R. 15/2025 ) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**
- [ Perdana Menteri ]**
14. ( D.R. 20/2025 ) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**
- [ Menteri Pendidikan ]**

15. \*( D.R. 26/2025 ) Rang Undang-undang Pelesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**
16. \*( D.R. 24/2025 ) Rang Undang-undang Bantuan Guaman dan Pembelaan Awam 2025 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Perdana Menteri ]**
17. \*( D.R. 22/2025 ) Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri ]**
18. \*( D.R. 23/2025 ) Rang Undang-undang Pendaftaran Negara (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri Dalam Negeri ]**
19. \*( D.R. 28/2025 ) Rang Undang-undang Perolehan Kerajaan 2025 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri Kewangan ]**
20. \*( D.R. 27/2025 ) Rang Undang-undang Pekerja Gig 2025 **Bacaan Kali Pertama**
- [ Menteri Sumber Manusia ]**

---

\*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tetapi tertakluk diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

| <b><u>TAHUN 2025</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>   | <b><u>TARIKH<br/>DIBENTANGKAN</u></b> |
|--------------------------|---|---------------------------------------|
| ST. 138                  | AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967<br>Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009<br>(Pindaan) 2025<br>P.U.(A) 113/2025 diwartakan pada 13 April 2025   | 02 September 2025                     |
| ST. 139                  | AKTA PETROLEUM (Cukai Pendapatan) 1967<br>Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan)<br>(Potongan bagi Perbelanjaan Praperjanjian<br>Petroleum) 2025<br>P.U.(A) 119/2025 diwartakan pada 15 April 2025                  | 02 September 2025                     |
| ST. 140                  | AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967<br>Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan<br>Pendapatan Kena Cukai Individu berkenaan dengan<br>Dividen) 2025<br>P.U.(A) 148/2025 diwartakan pada 7 Mei 2025                              | 02 September 2025                     |
| ST. 141                  | AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967<br>Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi<br>Perbelanjaan berhubung dengan Pemeliharaan<br>Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) 2025<br>P.U.(A) 193/2025 diwartakan pada 23 Jun 2025 | 02 September 2025                     |
| ST. 142                  | AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967<br>Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pengeluaran<br>Invois Elektronik) (Pindaan) 2025<br>P.U.(A) 196/2025 diwartakan pada 26 April 2025  | 02 September 2025                     |
| ST. 144                  | Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983 Akta Ahli<br>Parlimen (Saraan) 1980  | 02 September 2025                     |
| ST. 145                  | Pindaan Kertas Statut 102 Tahun 1980 Akta Ahli<br>Parlimen (Saraan) 1980  | 02 September 2025                     |
| ST. 146                  | Pindaan Kertas Statut 95 Tahun 1980 Akta Ahli<br>Parlimen (Saraan) 1980   | 02 September 2025                     |
| ST. 147                  | Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan<br>Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun 2023  | 02 September 2025                     |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**(DEWAN NEGARA)**

| <b><u>TAHUN</u></b><br><b><u>2025</u></b> | <b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>  | <b><u>TARIKH</u></b><br><b><u>DIBENTANGKAN</u></b> |
|---|--|--|
| ST. 148                                   | Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D) (Negeri Sabah) 2025   | 02 September 2025                                  |
| ST. 149                                   | Perintah Perlembagaan Persekutuan (Kajian Semula Pemberian Khas di bawah Perkara 112D) (Negeri Sarawak) 2025 | 02 September 2025                                  |